

065 MANUSIA DALAM WACANA PEMIKIRAN MODEN DI BARAT

Kamal Azmi Abd Rahman¹, Indriaty Ismail², Mohd. Nasir Omar³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Artikel akan membahaskan tentang konsep manusia dan hakikat kejadiannya. Perbahasan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan apakah itu manusia? Kajian adalah kajian kepustakaan dan penerokaan yang akan melihat definisi dalam kepelbagaian pemahaman tentang manusia yang pernah dibincangkan oleh beberapa tokoh pemikir Barat terkenal di zaman moden. Kajian mendapati terdapat beberapa salah tanggapan tentang manusia di kalangan pemikir Barat rentetan kebergantungan mereka kepada daya yang ada pada manusia sahaja dalam usaha mendapatkan jawapan tentang manusia. Lantaran itu, kajian juga akan membahaskan pandangan tentang konsep manusia sebagai khalifah di bumi Allah yang mudah dan menyeluruh yang diberikan oleh Islam berdasarkan wahyu.

Kata kunci: Manusia, Moden, Barat, khalifah, Islam.

¹ Kamal Azmi Abd. Rahman, Calon Ijazah Kedoktoran, Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (kamalazmi@kuis.edu.my)

² Indriaty Ismail, Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Faslafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (indriaty@ukm.my)

³ Mohd. Nasir Omar, Prof. Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Faslafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (abunasir@ukm.my)

PENGENALAN

Setiap kurun masa dalam sejarah umat manusia pasti akan terdapat usaha manusia untuk memahami tentang hakikat dirinya sendiri. Mereka gigih berusaha untuk menjawab pertanyaan siapakah manusia. Ia adalah langkah awal dari usaha untuk mencari sebuah jawapan yang konklusif berkaitan dengan persoalan kehidupan. Malahan, sesebuah peradaban manusia juga dibangunkan berdasarkan kepada pemahaman tentang manusia. Selain itu, erti manusia dalam sistem berfikir seseorang pemikir juga akan menentukan gaya pemikirannya. Tokoh-tokoh pemikir Yunani seperti Pythagoras, Plato dan Aristotle sampai kepada tokoh era moden seperti Rene Descartes, Karl Marx, Nietzsche, dan Sigmund Freud adalah antara tokoh pemikir Barat sepanjang zaman yang telah berusaha untuk mencari sebuah jawapan kepada permasalahan tersebut. Walaupun usaha demi usaha telah dijalankan, hal ini masih lagi kabur dan menimbulkan kepelbagaian pandangan atau tanggapan yang saling bertentangan antara satu sama lain. Ia membuktikan bahawa manusia sentiasa menghadapi masalah dalam memahami hakikat dirinya sendiri. Mereka telah mengerah fikiran mereka bagi merungkai persoalan ini, namun setiap kali cubaan yang dilakukan pasti akan menimbulkan masalah lain yang kadang-kadangnya lebih rumit lagi.

Meskipun konsep tentang manusia adalah suatu misteri kerana melahirkan kepelbagaian yang tidak pernah tuntas, keinginan untuk mengetahui tentang hakikatnya dan kajian tentangnya tidak pernah berhenti. Tokoh pemikir-pemikir Barat di zaman moden dalam wacana mereka mengenai manusia juga mempunyai pandangannya yang unik dan tersendiri. Persoalannya adakah berhasil manusia moden dalam usaha mereka membentangkan sebuah gambaran manusia utuh dan sempurna? Menurut Mutahari (1984: 27) telah berlaku kesalahfahaman manusia moden mengenai dirinya hasil daripada pemikiran-pemikiran yang datang dari Barat dalam ilmu falsafah dan psikologi. Gambaran yang keliru ini seterusnya telah mereka kembangkan kepada cabang-cabang perbincangan lain dalam sesebuah pemikiran. Ini kerana kebiasaannya, sebarang teori dan pandangan yang dikemukakan oleh seseorang pemikir adalah deduktif daripada kefahamannya tentang manusia atau mungkin juga sebaliknya iaitu aliran pemikiran dan falsafahnya menentukan bagaimana ia memberikan tafsiran kepada manusia atau tafsirannya tentang manusia menentukan aliran falsafahnya. Oleh yang demikian, manusia yang dilihat dari perspektif material akan melahirkan cadangan-cadangan yang bersifat materialistik dan bertujuan untuk memenuhi tuntutan fizikal dan nafsu manusia semata-mata. Pilihan-pilihan seperti ini akan

mempengaruhi pola pemikiran dan kehidupan manusia dalam proses pemaknaan hidup beserta tujuannya.

Maka, manusia itu perlu difahami sewajarnya dengan seimbang agar tiada pengabaian mana-mana aspek kemanusiaan yang akan berlaku. Islam melihat akan kepentingan hal ini sehingga hakikat manusia dibincangkan di dalam pengajian dan pendidikan Islam. Pandangan tentang manusia juga merupakan sebahagian daripada sistem kepercayaan dalam Islam. Ia menjadi satu garis pemisah antara iman atau tidak kerana seseorang boleh menjadi penganut agama yang taat atau sebaliknya aties daripada pemahaman tentang hakikat manusia. Oleh kerana itu juga, sangat tepat jika disebutkan '*pengenalan akan hakikat diri merupakan dasar untuk mengenal Tuhan*'. Selain itu, al-Quran juga menyarankan agar manusia merenungkan kejadiannya.⁴ Renungan yang mendalam akan menyedarkan manusia dan mendekatkannya dengan Pencipta (Mutahari, 1984: 27). Oleh itu, pemahaman tentang manusia yang menyeluruh akan dapat memudahkan seseorang manusia dalam mengambil keputusan yang praktikal dan mengambil makna atau hikmah daripada setiap peristiwa yang telah dijalaninya.

PARADOKS PEMAHAMAN MANUSIA DI BARAT

Mohammad Thalib (1977: 9) telah membahagikan definisi manusia menurut pemikir Barat kepada pandangan iaitu; i) manusia adalah haiwan yang berfikir dengan menonjolkan dimensi rasionalnya, ii) manusia adalah haiwan yang bersifat ramah yang mana menonjolkan naluri interaksi sosialnya, iii) manusia adalah makhluk yang datang dari langit ke bumi iaitu tentang Adam yang termakan pujukan Syaitan sehingga dicampakkan ke bumi dan iv) manusia adalah haiwan bereksistensi yang mana manusia ditakrif berdasarkan kepada teori evolusi. Jika dilihat pada persepektif ajaran agama Kristian, manusia adalah jahat kerana diilhami oleh pandangan 'Dosa Warisan' atau *Original Sin*. Pandangan ini boleh dianggap pandangan yang didokong oleh minoriti pemikir Barat kerana rata-rata pemikir Barat era moden mengambil jalan untuk mengemukakan idea-idea mereka yang bertentangan dengan ajaran agama. Oleh kerana itu juga, era moden di Barat ditandai oleh penentangan masyarakat Barat kepada kuasa gereja dan paderi termasuk juga ke atas golongan bangsawan. Era moden melahirkan pemikiran yang bersifat *human-centred* yang bertentangan dengan *god-centred*. Seperti yang dinyatakan oleh B. Russell (1993: 589), terdapat dua perkara yang terpenting yang membezakan falsafah moden dengan yang lain; kekurangan kuasa gereja dan

⁴dan juga pada diri kamu sendiri. maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan Bukti itu)? (15:21)

peningkatan kuasa sains; keduanya pula ialah budaya zaman moden lebih berbentuk biasa atau tidak bercirikan agama.

Persengketaan antara ajaran Kristian dan pemikir Barat semakin meruncing sehingga melahirkan ungkapan ‘*tuhan sudah mati dan kitalah yang membunuhnya*’. Antara tokoh yang lantang membawa idea ini adalah Nietzsche. Baginya, kepercayaan kepada tuhan menunjukkan sikap yang lemah dan segan untuk mengejar kebenaran yang sebenar. Ia tidak menunjukkan kehendak yang kuat dan pantang menyerah walaupun berhadapan dengan pelbagai kesulitan dan cabaran. Malahan baginya, kehidupan bertuhan terarah kepada kebekuan setelah mencapai ketenangan jiwa. Dengan kematian tuhan, maka hilanglah segala kemungkinan perlindungan dari kekuasaan supernatural. Kini, terbukalah kesempatan bagi manusia seluas-luasnya untuk menentukan dirinya. Tulisannya yang bertajuk *The Antichrist* (1888) adalah sebuah kritikan beliau terhadap ajaran Kristian. Baginya, Kristian adalah punca kepada kemunduran kebudayaan Eropah. Nilai-nilai yang diutamakan seperti kerendahan hati, belas-kasihan, altruism, kesalihan dan rela menderita dan sebagainya bagi Nietzsche adalah sikap pengecut dan memuakkan kerana berlawanan dengan keunggulan manusia. Lalu manusia hanya mengharapkan ihsan tuhan dan kurang mempercayai kepada kemampuan dirinya sendiri. Baginya kehidupan adalah kehendak untuk berkuasa atau *the will to power*. Ia bebas daripada kekuasaan lain. Dengan cara ini, manusia sampai kepada cita-cita ‘manusia unggul’ (*the Superman, Uebermensch*) dan manusia unggul adalah manusia tanpa tuhan.

Karl Marx, seorang tokoh sosialis terkenal menyatakan bahawa manusia adalah makhluk sosial. Pandangan seperti sebenarnya tidaklah janggal kerana ia juga didokong oleh ahli falsafah kuno Yunani seperti Aristotle malahan oleh beberapa ilmuan Islam zaman pertengahan seperti Miskawayh dan Ibn Khaldun. Walaupun begitu, idea sosial ini didokong secara keterlaluan oleh Marx sehingga menafikan dimensi manusia sebagai individu. Beliau hanya melihat manusia pada dimensinya yang kolektif. Pendokong ideologi komunis juga yakin bahawa peringkat tertinggi dalam perkembangan sesebuah masyarakat adalah apabila tiada pengiktirafan pemilikan harta secara peribadi.⁵ Sosialisme juga melihat manusia berdasarkan falsafah materialisme yang menganggap bahawa dunia ini tidak ada selain material atau *nature* (alam). Oleh karena itu, manusia adalah makhluk alamiah. Segala usaha manusia didorong oleh nafsu alamiah iaitu dorongan untuk hidup. Selain itu, falsafah materialisme berpandangan bahawa elemen yang terpenting bagi manusia bukanlah akal atau roh sebaliknya terletak pada dimensi usahanya. Menurut Marx, agama adalah candu (*opium*)

⁵ Menurut Shalaby (1969: 4), idea pemilikan secara kolektif seperti ini telah muncul awal lagi iaitu ketika perkembangan agama kuno mazdak di Parsi.

yang membius manusia dari segala perasaan kemanusiaan. Ia mengajar manusia agar mencari perlindungan dari kekuatan ghaib dalam menghadapi bencana dan penderitaan secara mudah. Buku *Anti Religious* menjelaskan bahawa agama adalah salah satu di antara penyakit jiwa yang melanda kaum buruh. Baginya, pekerjaan adalah kegiatan yang dapat menemukan manusia dengan identitinya. Jadi, hakikat manusia adalah bekerja (*homo laborans, homo faber*).

Dipengaruhi oleh pemikiran golongan rasionalis seperti Descartes, terdapat di kalangan pemikir-pemikir Barat yang berpandangan bahawa manusia mempunyai kelebihan daripada haiwan terutama pada aspek akalunya. Pandangan ini kemudiannya didokong oleh ahli-ahli psikologi seperti Adler dan Jung yang menekankan aspek kesedaran manusia – daya kemahuannya dan daya logikanya. Rasionalisme sebagai sebuah falsafah awal yang lahir di era moden Barat adalah satu aliran pemikiran yang mengatakan bahawa akal (*reason*) adalah alat terpenting dalam memperoleh pengetahuan. Mereka mengajarkan bahawa pengetahuan diperoleh dengan cara berfikir. Kumpulan pemikir eksistensialis seperti Sartre, Buber dan Tillich pula menyatakan bahawa manusia berbeza daripada haiwan kerana mereka mampu menyedari apa yang mereka lakukan dan bertanggungjawab ke atas tindakan tersebut. Oleh itu, mereka beranggapan bahawa manusia memiliki kemampuan yang lebih tinggi daripada haiwan. Manusia bukan sahaja digerakkan oleh dorongan biologinya sahaja, tetapi juga terdapat keinginan dalam diri manusia untuk mengembangkan dirinya sampai ke bentuk yang ideal – untuk memenuhi dirinya (*self-actualization*). Bagi mereka, manusia adalah makhluk yang unik, rasional, bertanggungjawab dan memiliki kesedaran. Karl Jaspers juga ada menyebut bahawa manusia adalah makhluk yang unik, serba meliputi, sangat terbuka dan mempunyai potensi agung. Walaupun yang demikian, terdapat di kalangan pemikir Barat yang menyamakan manusia dengan haiwan. Antaranya ialah golongan Empirisis seperti Hume dan Hobbes. Manusia bagi mereka adalah seperti haiwan yang mengantuk, lapar, sakit, akan merasai tua dan mati. Kajian *classical conditioning* oleh ahli psikologi Rusia-Soviet, Ivan Pavlov mengenai proses pengajaran pada anjing antara contoh bagaimana sesebuah dapatan kajian telah digeneralisasikan kepada manusia. Selain itu, ahli psikologi lain seperti Freud, Watson dan Skinner telah menyatakan bahawa manusia adalah seperti *biological machine* iaitu makhluk yang digerakkan oleh mekanisma assosiasi di antara sensasi-sensasi. Manusia adalah makhluk yang tunduk kepada hukum gerak umpama sebuah mesin automatik tanpa jiwa, atau makhluk yang digerakkan oleh naluri biologi, mencari kesenangan dan menghindari kesakitan. Menurut mereka juga, kesedaran diri dan kehendak bebas adalah sesuatu yang dihayalkan dan diciptakan oleh keangkuhan manusia semata-mata.

Terdapat juga di kalangan pemikir Barat yang berpandangan bahawa manusia itu secara semulajadinya jahat. Toynbee berdasarkan perpektif sejarah menyatakan bahawa getaran kekerasan dan kekejaman sentiasa wujud pada tabiat manusia. Disamping sifat agresif ini, falsafah empirisisme dan utilitarainisme menyatakan bahawa manusia hanya bertindak bagi mencari kesenangan dan menghindari penderitaan (hedonisme). Freud pula menyatakan manusia secara semulajadinya jahat. Beliau juga berpandangan bahawa manusia adalah robot yang digerakkan oleh nafsu seksual. Sebaliknya, bagi fahaman Romantisime, manusia mempunyai kecenderungan bersahabat, bercinta dan berkorban untuk kepentingan orang lain. Rousseau berkata, bila manusia dibiarkan hidup secara global, mereka akan hidup bersih dari segala macam kejahatan. Oleh itu, manusia itu baik secara semulajadi. Pandangan ini juga dipersetujui oleh kumpulan humanis seperti Rogers, Maslow dan Allport. Dalam kedua-dua pandangan yang saling bertentangan ini, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa manusia tidak baik dan tidak jahat. Sebaliknya, persekitaranlah yang membentuk mereka. Anantara mereka yang berpegang dengan definisi ini ialah golongan behaviourisme seperti Watson dan Skinner. Golongan eksistensialis seperti Sartre dan Jaspers pula menyatakan bahawa pilihan yang diambil manusia menentukan wataknya. Manusia tidak baik dan tidak jahat secara semulajadi. Kewujudan (*existence*) manusia diberikan namun bagaimana mereka mengisi kewujudannya – zat (*essence*) adalah bergantung kepada keputusan dirinya.

Konsep manusia jika dilihat dari sudut ciptaannya adalah merujuk kepada ilmu fisiologi dan biologi. Dalam ilmu biologi, saintis Barat mengklasifikasikan manusia sebagai *homo sapiens*. Ia difahami melalui idea Charles Darwin yang membincangkan kejadian manusia menurut teori evolusinya. Pada awalnya dipelopori oleh Lamarck (1744 – 1892), seorang pakar sains hayat Perancis. Teori evolusi adalah hipotesis yang telah mereka gunapakai iaitu di kalangan ahli antropologi Barat tentang kewujudan manusia. Teori ini beranggapan bahawa jenis-jenis haiwan dan tumbuhan pada asal kejadiannya adalah tidak seperti sekarang. Dalam hal ini, mereka menggunakan beberapa istilah untuk menerangkan proses kejadian manusia daripada mawas iaitu *australopithecus*, *homo habilis*, *homo erectus* dan *homo sapien*. Manusia hakikatnya berasal dari bangsa yang lebih rendah, iaitu haiwan. Demikian manusia menurut sains adalah produk daripada proses evolusi, hasil perkembangan jasad dari yang paling bersahaja atau sederhana sampai kepada haiwan tingkat tinggi dan akhirnya menjadi manusia. Teori ini akhirnya dibuktikan tidak benar oleh pengkaji-pengkaji Barat sendiri dan kegagalan mereka untuk mengemukakan bukti secara saintifik (Mat Rofa Ismail, 2014: 29).

MANUSIA MENURUT PANDANGAN ISLAM.

Al-Quran telah merakamkan proses kejadian manusia. Walaupun ianya dinyatakan secara ringkas, ia adalah memadai untuk manusia memahami asal kejadiannya. Terdapat dua bentuk kejadian manusia yang dibincangkan iaitu; manusia pertama diciptakan oleh Allah daripada tanah iaitu penciptaan Nabi Adam a.s.⁶ dan proses kejadian manusia di dalam perut ibunya.⁷ Manusia dalam Islam bukanlah ciptaan yang hanya mempunyai elemen material semata-mata sebaliknya juga dilengkapi dengan elemen ruh atau spiritual. Ruh adalah tiupan ruh Allah yang tidak mungkin dapat dicapai dengan akal, walaupun akal yang dimiliki oleh manusia memiliki potensi besar dalam mencapai puncak ilmu pengetahuan. Ini disebabkan ruh adalah sesuatu yang ghaib yang menjadi petunjuk bagi jiwa dan sumber kepada kesadaran akal manusia. Penciptaan manusia dengan ruh adalah sebahagian daripada bukti Kekuasaan Allah.⁸ Islam juga telah mengisyaratkan tentang kesempurnaan diri manusia.⁹ Oleh itu, manusia adalah ciptaan paling sempurna kerana mempunyai ruh dan jasad, diberikan pancaindera yang menghubungkannya dengan dunia luar, mempunyai nafsu sebagai pendorong memperlengkapi keperluan hidup dan mengekalkan jenisnya, mempunyai akal untuk berfikir, mempunyai hati untuk merasa dan seterusnya dapat membezakan antara yang baik dan buruk (Mohd. Ali bin Abu Bakar, 1986: 2). Kesempurnaan ini membuatkan manusia berada pada kedudukan tertinggi di antara makhluk dan manusia telah dilantik menjadi khalifah (wakil) Tuhan di muka bumi. Selain itu, manusia telah diberikan kemudahan lain dan manfaat yang boleh diperolehi di atas muka bumi.¹⁰

Mengenai penciptaan manusia ini, Mat Rofa (2014: 27) menyatakan bahawa manusia diciptakan Tuhan dengan penuh hikmah dan bukan secara kebetulan atau sia-sia. Roh Ilahi ditiupkan ke dalam jasad Adam a.s. dan membezakan Adam daripada makhluk yang lain. Kemuliaan Adam a.s. terserlah apabila makhluk lain termasuk malaikat diperintah agar sujud memberi penghormatan kepada Adam a.s. yang dilantik menjadi khalifah pemegang amanah yang besar untuk dilaksanakan.¹¹ Tugas ini tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang, langit atau bumi. Syariah yang diturunkan sebagai panduan hidup serta anugerah akal kepada manusia untuk menilai kebenaran perlu digunakan secara bersepadu dan selari dengan

⁶ Al-Sajadah: 6-7

⁷ Al-Mu`minun: 12-16

⁸ Al-Isrā` : 85

⁹ Al-Ṭīn: 4-6

¹⁰ Al-Irā` : 70

¹¹ Al-Baqarah: 30

perjalanan hidup menuju destinasi akhir setiap insan. Inilah perbezaan antara insan dengan haiwan. Manusia tidak mungkin dipilih menjadi khalifah di atas muka bumi melainkan Allah telah melengkapkannya dengan potensi-potensinya sebagai khalifah. Bersama dengan potensi ini juga, Allah menyatakan peranan lain bagi manusia iaitu sebagai hamba-Nya. Jika pada kedudukan pertama manusia, manusia dituntut aktif untuk memelihara dan memakmurkan alam secara konstruktif bagi kehidupan semesta, maka pada kedudukan kedua manusia dituntut pasrah kepada Allah. Kedua-dua kedudukan manusia ini akan memberikan kesedaran kepada manusia bahawa tanggungjawab khalifah yang diterimanya merupakan amanah dari Allah yang akan dipertanggungjawabkan kelak di Akhirat.

Meskipun manusia memiliki potensi kesempurnaan, jika manusia memilih untuk menjauhkan dirinya dari ketetapan Ilahiyyah, kesempurnaan tersebut akan berkurang. Satu-satunya jalan bagi mencapai kesempurnaan tersebut ialah dengan kembali kepada Tuhan melalui iman dan amal shalih. Oleh itu, dalam diri manusia terdapat sifat baik dan jahat. Tetapi kedua-duanya adalah sebuah potensi dan berdasarkan potensi ini, manusia perlu membentuk dirinya sama ada mengikut acuan wahyu atau nafsu. Kebanyakan tokoh pemikir Islam menyatakan bahawa manusia mempunyai sifat kehaiwanan di samping sifat kemanusiaan. Sifat khusus kemanusiaannya ialah iman dan ilmu. Maka inilah perbezaan utama antara manusia dengan makhluk lain. Iman dan ilmu kedua-duanya penting dan mempunyai kaitan dalam pembentukan manusia yang sempurna seperti apa yang dinyatakan oleh Mutahari (1984: 30):

Iman dan ilmu adalah karekteristik kemanusiaan, maka pemisahan keduanya akan menurunkan martabat manusia. Iman tanpa ilmu akan menyebabkan fanatisisme, kemunduran, takhayyul dan kebodohan. Ilmu tanpa iman akan digunakan untuk memuaskan kerakusan, keangkuhan, penindasan, penipuan dan kecurangan.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini bahawa usaha manusia untuk mendefinisikan dan memberikan hakikat tentang dirinya adalah bertujuan untuk mencari perbezaan yang mendasar antara manusia dengan makhluk lain. Ini kerana setiap makhluk yang hidup mempunyai perjalanan hidup yang sama iaitu diciptakan-hidup dan kemudiannya berakhir-mati. Maka perbezaan yang mendasar antara manusia dengan yang lain adalah pada fungsi dan fakulti mereka. Oleh kerana manusia dibekalkan dengan akal yang menjadi keunikan mereka berbanding dengan makhluk yang lain, maka manusia mempunyai tanggungjawab memikul amanah untuk

menjaga kelestarian benda hidup serta mengurus tadbir benda-benda yang mati seterusnya membina peradaban yang harmoni. Sebagai khalifah manusia bukan sahaja dituntut untuk memberikan manfaat kepada sesama manusia tetapi juga kepada benda-benda hidup yang lain. Konsep manusia dalam pemahaman Islam terhindar daripada belenggu jabariyyah yang menyamakan manusia seperti haiwan dan jahiliyyah moden yang memahami manusia berdasarkan kepada kebebasannya semata-mata. Pemikiran Barat menganjurkan jalur pemikiran yang jauh daripada agama, jauh daripada tuhan dan menumpukan kepada kebahagiaan sementara di dunia sedang kefahaman sebenar adalah sebaliknya. Hakikatnya, konsep eschatology atau adanya kehidupan lain selepas kematian merupakan pandangan manusia yang lebih menyeluruh, memberikan manusia tentang pengharapan akan keadilan sejagat yang mungkin tidak akan mampu diperoleh oleh manusia di dunia.

Tidak dapat dinafikan pemikiran-pemikiran moden Barat telah mempengaruhi segelintir pemikir Islam akan tetapi, kemajuan aliran pemikiran ini juga telah mendapat tantangan yang keras dan hebat dari golongan yang beragama dimana-mana. Hal ini disebabkan kerana kebanyakan pemikir Barat meminggirkan agama dan tuhan dalam pemahaman manusia dan alam bahkan terdapat juga di kalangan mereka yang tidak mengakui adanya Tuhan. Sepintas lalu, seolah-olah pandangan-pandangan yang dibawa hendak memuliakan manusia dan membebaskannya daripada belenggu kejumudan. Hakikatnya, pandangan satu hala yang mereka anjurkan tersebut dalam memahami manusia telah merendahkan darjat manusia. Idea yang dibawa oleh pemikir Barat berjaya menjadikan manusia bebas dan dinamik tetapi di sisi yang lain, manusia sudah hilang arahnya. Manusia sampai kepada destinasi nihilisme. Dengan idea seperti kematian tuhan, manusia menjadi bebas, tetapi pada sisi yang lain, kehidupannya menjadi bahaya kerana tidak mempunyai pegangan yang pasti. Mereka hanya berpegang kepada kemampuan dirinya sendiri. Tanpa tuhan, manusia menjadi individualistik kerana tiada lagi ikatan bersama.

Keangkuhan manusia moden mencari hakikat manusiawi dengan akal dan indera semata-mata telah mengundang pelbagai masalah kerana hakikat sebenar hanya mampu dicapai melalui apa yang dikemukakan oleh Penciptanya. Sudah tentu yang mencipta lebih mengetahui. Definasi-definasi manusia yang diperolehi oleh pemikir-pemikir hanyalah sebahagian sahaja daripada maksud sebenar manusia. Akhirnya, persoalan tentang manusia menimbulkan jawapan yang berbeza mengikut zaman rentetan perbezaan sumber jawapan diperolehi. Dalam kebudayaan primitif, pertanyaan itu dibawa oleh mitos. Manakala dalam kebudayaan yang telah meningkat kepada peradaban, falsafahlah yang akan menjawabnya.

Dalam Islam, spekulasi pemikiran manusia tidak akan memberi jawapan yang tuntas dan hanya Wahyu Allah sahaja mampu memberikan jawapan yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 2005. *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Ahmad Shalaby. 1976. (terj.) *Masyarakat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Sejarah Falsafah*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bertrand Russell. 1993. (terj.) *Sejarah Falsafah Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofa Ismail. 2014. *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Thalib. 1977. *Manusia dalam Pandangan Islam*. Cetakan Pertama. PT Bina Ilmu: Jakarta.
- Mohd. Ali bin abu Bakar. 1986. *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*. Pustakan Aman Press Sdn. Bhd.: Kota Bharu.
- M. Sastrapratedja. 1983. *Manusia Multidimensional: Sebuah Renuangan Filsafat*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Murtadha Mutahari. 1984. *Perspektif al-Quran tentang Manusia dan Agama*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Mustafa bin Haji Daud. 1990. *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.